

JAJAHAN BACHOK

TAJUK : PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA EKSA



Tarikh

- 08 April 2021



Keterangan Program

Program gotong-royong diadakan bagi mengeratkan silaturrahim antara kakitangan dan pegawai JKR Bachok. Program ini dimulakan dengan senamrobik yang disertai oleh semua kakitangan JKR Bachok.

Aktiviti utama program ini adalah kerja-kerja mengelat Dewan Serbaguna dan di persekitaran pejabat.

Selain itu, Program kita disusuli dengan Majlis sambutan hari jadi bagi meraikan kakitangan JKR Bachok yang lahir pada Bulan Januari hingga Mac .



Sumber

- JKR Jajahan Bachok



JAJAHAN BACHOK

TAJUK : KURSUS KECEMERLANGAN DIRI




Tarikh

- 11 April 2021




Tempat

- Bilik Gerakan JKR Bachok



Nama Penceramah

- Norhayati binti Mohamed



Keterangan Program

Kursus ini merupakan kursus motivasi yang disampaikan oleh Pegawai Psikologi dari SUK Kelantan. Objektif kursus ini adalah meningkatkan motivasi dan kecemerlangan dalam tempoh perkhidmatan di dalam jabatan. Kakitangan jabatan ini perlu didedahkan dengan unsur-unsur pembangunan diri, pemantapan kerohanian, perubahan sikap, peningkatan motivasi dan konsep kecemerlangan diri dan jabatan di dalam situasi serta persekitaran kerja sebenar. Hal ini demikian kerana, kakitangan jabatan terdiri daripada kumpulan sokongan yang menjadi nadi kepada kejayaan dan kecemerlangan sesebuah jabatan.

Selain itu, elemen-elemen penerokaan kendiri, penghayatan matlamat hidup, pengiktirafan diri, perubahan sikap positif dan pembentukan minda kelas pertama perlu ditekankan dalam modul ini agar manfaat dan natijah akhir dalam kursus dapat diterapkan dan disemai secara langsung di dalam diri para peserta yang terlibat.



Sumber

- JKR Jajahan Bachok

JAJAHAN PASIR PUTEH

TAJUK : MAJLIS CERAPAN HILAL BAGI PENETAPAN AWAL RAMADHAN TAHUN 1442H/2021M




Tarikh

- 12 April 2021



Tempat


- Bukit Peraksi Semerak, Pasir Puteh



Keterangan Program

JKR Pasir Puteh telah diamanahkan untuk membuat persiapan sebagaimana lazimnya seperti berikut:

- 1)Pembersihan sepanjang laluan ke tempat melihat anak bulan
- 2)pemasangan lampu tunjuk arah
- 3)penyediaan kemudahan air bagi kemudahan wudhu' bagi menyempurnakan Majlis Cerapan Hilal bagi penetapan Awal Ramadhan Tahun 1442H/2021M yang telah diadakan di Puncak Bukit Peraksi, Pasir Puteh pada 12 April 2021.



Sumber

- JKR Jajahan Pasir Puteh